

## SIARAN AKHBAR

### **BELANJAWAN 2024 MAMPU RANGSANG PEMBANGUNAN SEKTOR-SEKTOR DIPROMOSI DI ISKANDAR MALAYSIA**

Johor Bahru, 13 Oktober – Belanjawan 2024, yang juga dikenali sebagai Belanjawan MADANI 2, akan dapat merangsang pembangunan sektor-sektor dipromosi di Iskandar Malaysia dan ini secara langsung akan meningkatkan minat para pelabur untuk terus menjadikan wilayah ini sebagai pusat pelaburan dan memberi limpahan manfaat kepada Rakyat dan perniagaan tempatan

Yang Berhormat Dato' Dr Badrul Hisham bin Kassim, Ketua Eksekutif, IRDA, berkata “Belanjawan 2024 yang baru sahaja diumumkan oleh YAB Perdana Menteri akan menyumbang kepada usaha untuk membangunkan dan memperkukuhkan sektor-sektor yang dipromosikan di Iskandar Malaysia, sebagai sebuah wilayah ekonomi, terutama sekali untuk sektor Pelancongan, Kreatif, dan Kewangan dan Khidmat Perniagaan, selain sektor Pertanian Moden, yang merupakan sektor dipromosi yang terbaru.”

“Penstrukturan semula ekonomi dengan meletakkan keutamaan pelaburan masa depan yang ditumpukan kepada bidang yang berpertumbuhan dan bernilai tinggi (high growth high value) adalah selari dengan salah satu fokus utama di dalam Pelan Pembangunan Komprehensif (CDPiii) Iskandar Malaysia 2022-2030.”

Untuk sektor Pelancongan, penetapan tahun 2026 sebagai Tahun Melawat Malaysia dengan penyediaan RM350 juta bagi merancang promosi dan aktiviti pelancongan untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan utama dunia akan membolehkan Iskandar Malaysia, dan negeri Johor, memainkan peranan sebagai pintu masuk pelancongan antarabangsa terutama sekali berdasarkan kedudukannya yang berjiran dengan negara Singapura.

Aliran dan aksesibiliti pelancongan ditambahbaik lagi melalui kemudahan Visa-On-Arrival, pas lawatan sosial, tawaran Multiple Entry Visa serta pelebaran Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) daripada empat kepada enam lorong yang dilanjutkan dari Sedenak ke Simpang Renggam.

Cadangan untuk menetapkan kadar cukai pendapatan khas antara 0 hingga 10 peratus kepada syarikat produksi filem, pelakon filem asing dan kru filem yang menjalankan penggambaran filem di Malaysia akan acara langsung mampu terus memanfaatkan Sektor Kreatif terutama sekali sejajar dengan kewujudan studio filem bertaraf antarabangsa iaitu Iskandar Malaysia Studios di wilayah ini. Ini disokong oleh peruntukkan sebanyak RM160 juta untuk melaksanakan pelbagai inisiatif untuk manfaat penggiat seni termasuk Dana Kandungan Digital, inisiatif Film in Malaysia Incentive (FIMI) dan Skim Dana Padanan MyCreative.

Iskandar Malaysia juga turut mendapat manfaat untuk Sektor Kewangan dan Perkhidmatan Perniagaannya melalui cukai Hab Perkhidmatan Global dengan insentif kadar cukai pendapatan 5 peratus atau 10 peratus yang ditentukan berdasar keberhasilan untuk tempoh sehingga 10 tahun dan menyambut baik usaha kerajaan menggalakkan cukai automasi untuk sektor komoditi dibawah Kementerian Perladangan dan Komiditi kerana ianya sejajar dengan fokus Sektor Pertanian Modennya.

Iskandar Malaysia yang menekankan pembangunan mampan dan seimbang turut bersedia bersama-sama rakan-rakan taruhnya untuk memperhebatkan usaha 'hijau' dan meletakkan wilayah ini sebagai peneraju dalam agenda pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar dengan sokongan inisiatif-inisiatif dibawah Ikhtiar 7 iaitu Agenda Mampan dan Peralihan Tenaga dan menoktah kemiskinan tegar melalui program meningkatkan pendapatan golongan yang disasarkan melalui Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) yang bermula semenjak tahun ini.

"Insentif-insentif Belanjawan 2024 yang berkaitan atau dapat dimanfaatkan oleh Iskandar Malaysia adalah sejajar dengan Pelan Pembangunan Komprehensif (CDPiii) 2022 – 2030 yang telah diperkenalkan baru-baru ini yang mana fokus untuk beberapa tahun yang akan datang ini terletak kepada dua Prinsip iaitu "Berdaya Tahan dan Kalis Cabaran Pada Masa Hadapan" dan "Inklusif dan Saksama'," tambah Dato' Dr Badrul Hisham.

'Melalui sokongan yang diberikan oleh belanjawan ini untuk merangsang sektor-sektor dipromosi dan pelaburan di wilayah ini, pihak IRDA akan terus bekerjasama dengan agensi penggalak pelaburan seperti MIDA di peringkat nasional dan Invest Johor di peringkat negeri serta semua rakan strategik di dalam pelbagai usaha lain untuk mendorong visi Iskandar Malaysia menjadi sebuah metropolis antarabangsa yang kukuh dan mampan."

- tamat -

### **Latarbelakang Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA)**

Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) merupakan sebuah badan berkanun Kerajaan Malaysia yang ditugaskan dengan okbjektif untuk mengawal selia dan memacu pemegang-pemegang taruh daripada sektor awam dan swasta dalam mencapai visi membangunkan Iskandar Malaysia menjadi sebuah metropolis bertaraf antarabangsa yang kukuh dan mampan.

Kuasa dan fungsi utama IRDA dalam mencapai objektif di atas ialah merancang, memudahcara dan mempromosi.

### **Hubungan Media**

Norkamarulazman Nordin  
Komunikasi Strategik  
E: norkamarulazman@irda.com.my  
M: 019 7722 041